

Mukmin yang Kuat

Daripada Abi Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

المُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ، اِحْرَصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَأَسْتَعِينْ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا كَانَ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْ: قَدَّرَ اللَّهُ وَمَا شَاءَ اللَّهُ فَعَلْ، فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya: "Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada mukmin yang lemah. Pada masing-masing ada kebaikan. Tekunlah kamu atas sesuatu yang bermanfaat bagimu. Mintalah pertolongan kepada Allah dan janganlah kamu merasa lemah. Jika kamu tertimpa sesuatu, janganlah berkata: "Kalaulah aku berbuat demikian, maka akan menjadi demikian, demikian." Akan tetapi berkatalah Allah telah mentakdirkan dan barang yang dikehendaki Allah, pasti Allah lakukan." Kerana kata-kata "لو" (kalaulah) dapat membuka perbuatan syaitan."

Riwayat Muslim (34)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, kuat ialah banyak tenaganya (dayanya), tidak lemah, bertenaga, berdaya, tegap, tidak mudah roboh, tahan, tidak mudah kalah (tumpas dan tewas), tidak mudah berubah (hati, pendirian dan sebagainya), keras (berat, giat, hebat, erat, lantang, kencang, deras dan lain-lain), mampu (boleh) atau sanggup membuat sesuatu, suka makan (minum dan lain-lain) banyak-banyak, mempunyai kelebihan atau

kecekapan dalam sesuatu pengetahuan.

2. Kekuatan di sini bukan terhad kepada kekuatan fizikal sahaja tetapi ianya berubah dari zaman ke zaman, apatah lagi di zaman moden ini. Kekuatan intelektual dan juga fikiran adalah diutamakan.
3. Begitu juga dengan kekuatan ekonomi dan aset yang dimiliki menjadi penting dalam merealisasikan dan memacu matlamat dengan jayanya. Kekuatan yang lain seperti kekuatan mengatur strategi dan kesatuan boleh menyebabkan musuh-musuh akan gentar.
4. Seterusnya kemenangan dan kejayaan akan berpihak kepada umat Islam. Cerdik pandai Islam antaranya Syeikh Abdul Kadir Audah pernah mengarang sebuah buku mengenai fenomena yang melanda dunia Islam masa kini. Dengan tajuk *Islam Antara Kelemahan Cendikiawannya dan Kejahilan Anak Bangsaanya*. Hal seperti ini juga telah dikemukakan oleh cendikiawan sebelumnya al-Marhum Amir Syakib Arsalan dalam bukunya yang bertajuk *Kenapa Umat Islam Mundur dan Bangsa Yang Lain Maju Ke Depan?* Beliau mengemukakan dua penyakit yang menghinggapi dunia Islam masa kini iaitu penyakit syahwat dan penyakit syubahat.
5. Pada saat yang sama amat tidak sesuai berada dalam kamus umat Islam perkataan “kalau” atau “jika” yang melambangkan kelesuan, sebaliknya sentiasa optimis, bersemangat dan sanggup menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran dengan penuh hikmah serta keyakinan kepada Allah.
6. Semoga umat Islam selamat daripada penyakit tersebut dan memacu kekuatan untuk menuju ke arah kegemilangan.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Iman, kesihatan, kekayaan, kebebasan, rasa aman, semangat muda dan ilmu adalah sari dari semua yang diinginkan oleh orang-orang yang berfikir. Namun hanya sedikit yang mampu mendapatkannya sekaligus.
- ❖ **Pujangga berkata:** Pengetahuan, pengalaman dan wawasan jauh lebih baik daripada harta yang bertimbun kerana gembira dengan harta benda adalah sifat binatang, sedangkan gembira dengan ilmu pengetahuan adalah sifat manusia.

Kisah Teladan

Musailamah al-Kazzab mengaku bahawa dirinya seorang Nabi Allah SWT. Tatkala Rasulullah SAW mengetahui perihal yang sesungguhnya, Baginda mengutus Hubaib bin Zaid RA untuk menemuinya, dia adalah seorang sahabat Rasulullah SAW yang masih berusia tiga puluh tahun dan sudah terdidik dengan naungan al-Quran, dia hanya memiliki sebilah pedang untuk menebas leher para musuh-musuh Allah SWT dan sebuah mushaf (al-Quran) untuk berkomunikasi dengan Allah SWT, sejadah untuk solat tahajud di waktu sahur dan hati untuk memahami al-Quran.

Rasulullah SAW bersabda: “Wahai manusia sesungguhnya aku akan utus salah seorang di antara kalian untuk menemui raja dunia, maka janganlah kalian membantah perintahku ini.” Mereka mengatakan: “Ya, kami mendengar dan kami patuh kepadamu wahai Rasulullah.”

Rasulullah SAW bersabda: “Wahai Hubaib bin Zaid, berdirilah kamu dan berangkatlah menemui Musailamah al-Kazzab.” Maka ibu Hubaib bin Zaid RA reda untuk melepaskan anaknya tersebut, sambil menangis dengan teresak-esak sekali kerana akan berpisah dengan anaknya itu, akan tetapi, dia tahu akan anaknya itu diperintah secara langsung oleh Rasulullah SAW dan dia juga sedar bahawa dia akan berpisah dengannya di dunia dan kelak akan bertemu kembali dengannya di dalam syurga yang luasnya mencukupi seluruh langit dan bumi. Dan sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Zaidun, seorang penyair, lidahnya sentiasa mengucapkan:

*Kalian sudah berpisah dan kami juga berpisah,
tidaklah tulang rusuk kami dicuba,
Dan tidaklah bahagian dalam sudut mata kami kering,
kerana kerinduan kepada kalian.
Setiap kali hati kami memanggil-manggil kalian,
kesedihan akan lenyap dari kami, jika tidak sabar dan menghibur diri.
Kalaulah pertemuan kita di dunia ini sudah begitu erat,
cukuplah kita kelak bersua dan bertemu di hari kiamat.*

Setelah dia bertemu dengan Musailamah al-Kazzab, dia bertanya kepadanya: "Siapakah anda?" Hubaib menjawab: "Hubaib bin Zaid." Dia bertanya lagi: "Apa yang membantu anda tiba kemari?" Hubaib menjawab: "Saya tiba membawa surat dari Rasulullah SAW." Dia bertanya: "Adakah kamu bersaksi bahawa dia (Muhammad SAW) itu adalah seorang Rasul Allah SWT." Dia menjawab: "Saya bersaksi bahawa Muhammad itu adalah Rasulullah. Musailamah bertanya: "Apakah kamu bersaksi juga bahawa aku adalah Rasul?" Hubaib menjawab: "Saya bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah dan Muhammad SAW adalah utusan Allah."

Dia bertanya lagi: "Apakah kamu bersaksi juga bahawa aku adalah Rasul Allah?" Hubaib bin Zaid RA menjawab lantang: "Saya tidak dapat mendengar sesuatu."

Maka Musailamah al-Kazzab berkata kepada salah seorang tenteranya: "Potonglah sebahagian anggota tubuhnya." Lalu dia mengulangi soalnya itu lagi, Hubaib juga tetap kukuh dengan jawapan yang asal.